

STIGMA BERKAITAN HIV/AIDS BIASANYA MERUPAKAN HASIL DARIPADA PERASAAN TAKUT, PENAFIAN, KEJAHILAN DAN KURANG MAKLUMAT DAN PENDIDIKAN. BIMBANG DIJANGKITI HIV DAN AKIBATNYA IAITU KEMATIAN, TAKUT HIV/AIDS AKAN MEMBAWA MALU KEPADA KELUARGA SERTA PEMAHAMAN YANG BEGITU SEDIKIT MENGENAI PENYAKIT TERSEBUT DAN BAGAIMANA VIRUS BOLEH MEREBAK ATAU BERJANGKIT, DAN SEBAGAINYA MERUPAKAN ANTARA BEBERAPA STIGMA DAN DISKRIMINASI YANG DIHADAPI OLEH SESEORANG YANG DIJANGKITI VIRUS INI.

Tanpa disedari, sebenarnya ia banyak memberi kesan terutama terhadap cara Orang Yang Hidup Dengan HIV/AIDS (ODHA) melihat diri mereka sendiri. Ia kadang kala menyebabkan tekanan, kemurungan, kurang menghargai diri sendiri, berputus asa, dan juga perasaan ingin membunuh diri.

Selain itu, ia juga menjejaskan rawatan awal dan pencegahan kerana menyebabkan orang ramai takut untuk mengetahui sama ada mereka dijangkiti atau tidak kerana bimbang dengan reaksi negatif orang lain terhadap mereka.

Oleh itu, selaku Presiden Majlis AIDS Malaysia (MAC), Prof. Dr. Adeeba Kamarulzaman, yang juga selaku Profesor Perubatan dan Head of Infectious Disease di Universiti Malaya Kuala Lumpur, bekerja keras memastikan kempen-kempen yang dijalankan oleh pihak MAC berjaya mencapai sasarannya untuk mengubah stigma dan diskriminasi masyarakat terhadap golongan yang dijangkiti virus HIV/AIDS ini.

Sering diketepikan

Tambah Prof. Dr. Adeeba lagi, kempen mengenai HIV/AIDS perlu dilakukan secara menyeluruh bermula dari pihak media sendiri. Dengan bantuan pihak media menguar-uarkan info-info berkaitan, sedikit sebanyak apa yang ingin disampaikan akan lebih menyeluruh.

"Selama ini banyak kempen tertumpu di bandar dan kebanyakannya dikendalikan dalam bahasa Inggeris. Tidak banyak kempen yang tertumpu di kawasan luar bandar, menyebabkan masyarakat di kawasan ini sangat kurang pengetahuan mengenai HIV/AIDS. Stigma mereka terhadap golongan yang dijangkiti begitu menebal sehingga golongan yang dijangkiti sering diketepikan.

"Seharusnya, kempen sebegini harus berterusan dan cara paling berkesan untuk melakukannya ialah melalui media cetak dan media elektronik. Program terbaru pihak kami yang sedang diusahakan pihak kami ini akan melibatkan pihak JAKIM dan kami akan bekerjasama di dalam program-program seperti

program derma darah di samping memberi pendedahan maklumat secara mendalam dan lebih terperinci mengenai HIV/AIDS.

"Adalah lebih baik sekiranya setiap persatuan atau mana-mana badan dan pertubuhan bukan kerajaan dapat membantu mengatasi masalah penafian dan kesangsian serta menyediakan khidmat sokongan bagi golongan ODHA ini.

"Tiada yang lebih menyayat hati berbanding diaib dan dipulaukan oleh mereka yang terdekat dengan diri seperti suami, isteri, kaum keluarga dan masyarakat secara keseluruhannya," kata wanita turut bertanggungjawab sebagai Pengarah Pusat Kecemerlangan Penyelidikan AIDS (CERIA), di Universiti Malaya, serta menjadi ahli di dalam pelbagai persatuan antarabangsa seperti TREAT Asia, the International Harm Reduction Development, the UN Regional Task Force on HIV and Injecting Drug Use, dan the UN Reference on HIV and Injecting Drug User.

Sebagai langkah menjayakan kempen, MAC dengan bantuan beberapa lagi badan pertubuhan bukan kerajaan termasuk pihak kerajaan sendiri banyak merancang pelbagai aktiviti yang boleh membantu menyebarkan lebih banyak maklumat mengenai virus yang begitu ditakuti ramai ini. Lebih-lagi, pihak MAC sendiri telah

merancang pelbagai aktiviti yang lebih proaktif untuk mendekati masyarakat terutama di kalangan masyarakat luar bandar untuk mendidik mereka tentang virus ini.

Isteri perlu berhati-hati

Bagi Dr. Soraya, selaku ahli politik wanita UMNO yang juga turut terlibat secara aktif dalam memberi kesedaran pada orang ramai mengenai HIV/AIDS berkata, statistik terkini menunjukkan lebih ramai wanita yang dijangkiti virus ini melalui aktiviti seksual bersama pasangan.

"Golongan isteri perlu bersikap lebih berhati-hati dalam hal ini sama ada menggunakan kondom waktu bersama dan mengambil tahu pergerakan suami. Saya sebagai wakil Wanita UMNO turut mengadakan program



PROF. DR. ADEEBA
cuba ubah stigma
terhadap pesakit AIDS



Perbincangan bersama sering diadakan dari semasa ke semasa.

'outreach' pada Perhimpunan Agung UMNO seperti mengadakan pameran, penerangan mengenai HIV/AIDS dan mereka yang dijangkiti juga turut mengambil bahagian akan memakai lencana dengan ayat yang tertera 'Sudikah Minum Dengan Saya'.

"Salah satu tujuannya adalah untuk menghapuskan stigma masyarakat terhadap mereka yang dijangkiti dan juga merupakan cara untuk mem-



Dr. Soraya

beritahu orang ramai bahawa adalah selamat untuk bergaul dengan mereka," katanya.

SOKONGAN badan korporat

Bercakap perihal pengurusan dana, Dato' Maznah selaku Pemegang Amanah Yayasan AIDS Malaysia berkata, setiap dua tahun Majlis AIDS Malaysia akan mengadakan Malam Gala bagi membuat kutipan tabung amal secara besar-besaran.

"Alhamdulillah, setakat ini sokongan daripada badan-badan korporat amat baik terutama sekali daripada syarikat-syarikat antarabangsa seperti Mercedes Benz, Standard Chartered Bank dan Hong Leong Bank.

"Jika hendak dilihat peratus sumbangan mengikut sektor untuk tahun 2008, sektor swasta RM 299 ribu, organisasi antarabangsa RM 618 ribu, badan-badan bukan kerajaan RM 378 ribu dan kerajaan sendiri RM 13.5 juta.



"Kesemua sumbangan ini digunakan bagi membantu mereka yang dijangkiti atau terjejas dengan HIV/AIDS seperti pembiayaan perubatan, projek usaha sama bersama beberapa organisasi, perbelanjaan operasi dan aktiviti-aktiviti lain yang diadakan," katanya.

Untuk mendapatkan maklumat lanjut mengenai HIV/AIDS, aktiviti yang dijalankan dan sebagainya, bolehlah melayari laman web www.mac.org.my.

Dato' Maznah



Promosi Karnival Cuti-cuti Sekolah

Ok - Dis 2009

Masa yang dinantikan kini tiba. Cuti sekolah sudah bermula! Tapi dalam adik-adik bergembira, jangan lupa rancangkan azam baru untuk tahun hadapan.

Di samping itu, tambahkan juga simpanan adik-adik dan dapatkan pelbagai hadiah baru yang menarik!

Simpanan minimum RM100
 Simpanan minimum RM200
 Simpanan minimum RM250
 Simpanan minimum RM300
 Simpanan minimum RM350
 Simpanan minimum RM400
 Simpanan minimum RM450

Mari menangi Bersama upin & Ipin

Tabung Kelab Nuri Kini Berwajah Baru

PERCUMA
* Setiap penutupan akaun baru minima deposit RM150.00

Aktiviti-aktiviti Kelab Nuri Oktober - Disember 2009

- ▶ Peraduan Seronoknya Mewarna Nuri Kempen Monsoon Cup 2009 di Ri-Yaz Heritage Resort & Spa, Pulau Duyong, Terengganu (5 Disember 2009)

Pertandingan Mewarna KAWAL Monsoon Cup

Kempen 'Klik' Pakai Tali Pinggang Keledar Satu lagi inisiatif CSR Kelab Nuri

PERCUMA
* Dengan Simpanan > RM100

PERCUMA
* Dengan Simpanan > RM100

PERCUMA
* Dengan Simpanan > RM100

PERCUMA
* Dengan Simpanan > RM100

* Tertakluk kepada terma dan syarat
* Terhad selegi stok masih ada
* Hanya satu hadiah sahaja yang layak diterima untuk setiap bulan
* Lokasi dan tarikh aktiviti tertakluk kepada perubahan

Untuk maklumat terkini aktiviti-aktiviti kelab, layari portal rasmi Kelab Nuri www.kelabnuri.com.my



www.bankrakyat.com.my

tele Pusat Panggilan RAKYAT 03-2117 9000

i Perbankan Internet RAKYAT www.bankrakyat.com.my